



BESUT BULETIN

"Students & Community Smart Experience"



www.unisza.edu.my/ppkbesut | Edisi 1 | Januari 2022



UniSZA Kampus Besut
dipilih sebagai
tempat perasmian sempena

**Sambutan HARI HUTAN
ANTARABANGSA 2022**

PERINGKAT NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

"Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat"

ISI KANDUNGAN

Kata Aluan

Bicara Tokoh – Pengarah Kampus Besut	1-3
Pejabat Pengarah Kampus Besut (PPKB)	4-5
Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)	6-7
Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC)	10-11
Unit Sukan & Rekreasi (USR)	12-13
Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM)	14-15
Fakulti Informatik & Komputeran (FIK)	16-18
Fakulti Farmasi (FF)	19-20
Perpustakaan Al-Wathiqu Billah Kampus Besut (PWB)	21-23

SIDANG REDAKSI

EDISI I JANUARI 2022

Hak Cipta Terpelihara © 2019

Besut Buletin diterbitkan tiga kali setahun, mulai September 2019 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Besut

Pejabat Pengarah Kampus Besut,
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Besut
22200 Besut
Terengganu, MALAYSIA

Penaung

Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman

Penasihat

Ts. Dr. Nadzifah Yaakub
Mohd Ali Hashim

Editor

Norhazura Yunus
Mohd Fauzan Hj. Ariffin
Zanariah Mohd Noor@Abd. Halim

Penolong Editor

Noor Hafizal Abdul Azis
Nora Ismail

Pereka

Muhamad Baharin Gani
Fairuz Zakaria
Nur Syareena Azmee

Jurufoto

Wan Mohd Hasbullah Wan Abdul Rahman
Tuan Nur Izzat Syazwan Tuan Ab Rashid


Penyelaras Sumber

Mohd Rohaizad Md. Rejab | Zaleha Mat Ya'acob | Fadlina
Ismail | Nik Zarifah Nik Hassan | Norshuhila Mohd Shukri |
Mohamad Hussin | Latifah Ilyana Ibrahim | Nuroshajar Othman |
Mimi Meliessa Mohd Zain | Rosahini Mohd Salleh Azmi | Nur
Diana Nadhira Khairul Anuar | Shuhrin Che Mat | YM Tengku
Ani Soraya Tengku Sulaiman | Wan Nur Fazlin Wan Mohd Zaki
| Wan Marisa Wan Mohd Nor

Kata Aluan

PENGARAH KAMPUS BESUT

"Student & Community Smart
Experience @Kampus Besut"



Profesor Dr. Mohd Nordin bin Abdul Rahman

SENARAI BULETIN BESUT EDISI LEPAS

2019

[EDISI 1](#)

[EDISI 2](#)

[EDISI 3](#)

2020

[EDISI 1](#)

[EDISI 2](#)

2021

[EDISI 1](#)

[EDISI 2](#)

KLIK PADA RUANG EDISI 

Tahniah daripada seluruh warga UniSZA Kampus Besut



BIODATA

NAMA : PROFESOR DR. FADZLI BIN ADAM

TARIKH LAHIR : 07 OKTOBER 1972

**NEGERI ASAL : KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU**

KELAYAKAN AKADEMIK :

**Doctor of Philosophy in Islamic Studies,
University of Leeds, United Kingdom (2001)**

**Master of Art in Theology and Religious
Studies, University of Leeds, United
Kingdom (1996)**

**Bach. (Hons.) of Islamic Revealed
Knowledge and Heritage, International
Islamic University Malaysia (1995)**

BIODATA

**NAMA : PROFESOR DR. ZUHAIRAH ARIFF
BINTI ABD GHADAS**

TARIKH LAHIR : 25 OKTOBER 1968

**NEGERI ASAL : SEREMBAN, NEGERI
SEMBILAN**

KELAYAKAN AKADEMIK :

**PhD (Undang-Undang Perniagaan), UPM
(2002)**

**Sarjana Undang-Undang Perbandingan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
(1993)**

**Sarjana Muda Undang-Undang (Undang-
Undang Perniagaan), Polytechnic
(University) of Huddersfield (1991)**

**PROF. DR. MOHD
NORDIN BIN
ABDUL RAHMAN**

Kenapa memilih bidang yang diceburi sekarang?

Antara falsafah mudah dalam kehidupan saya adalah: jika kita ingin terus rasa bahagia & ceria setiap kali bangkit dari tidur, maka terokalah 'perkara' baharu dan kongsi hasilnya dengan semua orang. 'Perkara' itu adalah dunia pendidikan dalam bidang pengkomputeran dan pengalamannya adalah untuk kepentingan manusia sejagat.

Pandangan dan harapan dalam bidang/ fakulti?

Apabila bercakap tentang masa depan teknologi komputeran dan kepintaran buatan, untuk kita cuba menguraikan perkara yang mungkin akan berlaku dalam 5, 10 atau 15 tahun akan datang adalah sangat sukar. Kepintaran buatan dalam komputeran ada hadnya dan perlu disesuaikan dengan aplikasi serta masalah yang ingin diselesaikan. Di luar sana kemajuan dalam bidang kepintaran buatan berasaskan komputeran ini berlaku pada kadar eksponen sehingga sukar untuk pengguna berubah dengan dinamik dan efektif. Di sini lah setiap ahli akademik dalam bidang teknologi komputeran perlu melihat seterusnya bertindak dengan hikmah dan berpandukan kepada tatasusila serta peradaban manusia. Keluar daripada rutin akademik, berinovasi demi pengalaman pintar untuk masyarakat dan menyumbang merentasi sempadan kurikulum bidang kita. Selain dari amanah akademik yang perlu disemat di dada, paduan antara pengetahuan dan imaginasi adalah dunia sebenar bagi para pendidik dalam bidang komputeran ini!

PERIBADI

Nama: Prof. Dr. Mohd Nordin bin Abdul Rahman
Tarikh lahir: 03-06-1971
Asal: Kuala Terengganu
Nama Isteri: Suzarina binti Mamat
Bilangan Anak: 7

PENDIDIKAN

Pendidikan Awal:

Sekolah Rendah :

- 1) Sekolah Rendah Kebangsaan Peroh, Hulu Terengganu,
- 2) Sekolah Rendah Kebangsaan Gong Tok Nasek, Kuala Terengganu

Sekolah Menengah :

Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu

Universiti :

- 1) Universiti Kebangsaan Malaysia,
- 2) Universiti Malaysia Terengganu

KERJAYA

Kerjaya Pertama:

1995 / Hasu Industries Sdn. Bhd.

Tarikh perkhidmatan di UniSZA:

23-12-1995 / Sekolah Pengajian Lanjutan KUSZA

AFILIASI PROFESIONAL

1. Member of International Associates of Engineers
2. Member of Majlis Profesor Negara
3. Editor of Interdisciplinary Journal of Information, Knowledge and Management
4. Editor of International Journal of IT and Web Engineering
5. Associate Editor of Cognitive Computation Journal
6. Section Editor of Malaysian Journal of Applied Sciences

PENCAPAIAN UTAMA DALAM ASPEK KUALITI KEPIMPINAN

- 1 **TRANSFORMASI** organisasi tadbir urus Kampus Besut
- 2 **CITRA** baharu Kampus Besut
- 3 **PELAN** Tindakan ICT 2015 - 2018
- 4 **PENJENAMAAN** Minggu Penyelidikan & Inovasi
- 5 **PEMINDAHAN** fakulti ke Kampus Besut
- 6 **PENJENAMAAN** Pertandingan ICT Sekolah Negeri
- 7 **PENGIKTIRAFAN** MSC Status fakulti

PENGALAMAN PENGURUSAN & PENTADBIRAN ORGANISASI

1. Pengarah Kampus Besut (2018 - sekarang)
2. Pengarah Pusat Teknologi Maklumat (2015 - 2018)
3. Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (2013 - 2015)
4. Pengarah Pusat Teknologi Maklumat (2010 - 2013)
5. Dekan Fakulti Informatik & Komputeran (2008 - 2013)
6. Ahli Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi UniSZA (2019 - sekarang)



SUMBANGAN SIGNIFIKAN BERIMPAK KEPADA ORGANISASI DAN MASYARAKAT

- * Rangka Strategik Halatuju Pembangunan Kampus Besut
- * Unit Aplikasi Disruptif dan Data Analitik
- * Modul Latihan Big Data
- * Smart Data Center
- * Sistem Bersepadu Pengurusan R&D
- * Polisi ICT & Dasar Keselamatan ICT
- * Portal Penjanaan Hasil Pengurusan Persidangan
- * Pembangunan kurikulum program akademik

MASYARAKAT

- Penilai kenaikan pangkat staf akademik UA *
- Pemeriksa tesis Sarjana & PhD UA *
- Ucap utama pembangunan infra ICT IPT *
- Malaysian e-Learning Strategic Action Plan *
- Malaysian Research and Education Network Technical Group
- Inisiatif Sewaan & Penggunaan Komputeran Awan *
- ICT Camp Untuk Sekolah Menengah Pantai Timur *
- Development of Knowledge Bank for Innovative Human Capital Action Plan
- e-Learning Road Map for IHL in Malaysia *
- National ICT R&D in Public IHL Strategic Planning

ORGANISASI



BIOGRAPHY

PROFESSOR DR. MOHD NORDIN BIN ABDUL RAHMAN

DIRECTOR OF BESUT CAMPUS

PROFESSOR IN COMPUTING FACULTY OF INFORMATICS & COMPUTING

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABDIN (UNISZA)



CONTACT

PHONE:
017-9859653
09-6993124

EMAIL:
mohdnabd@unisza.edu.my

Dr. Mohd Nordin bin Abdul Rahman is a Professor of Computing at Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). He obtained his BIT (1995) and MIT (1999) in Computer Science from Universiti Kebangsaan Malaysia. Professor Nordin received his PhD in Computing from Universiti Malaysia Terengganu in 2008. He has the experience of 26 years teaching & supervision for the level of diploma, bachelor, master and doctoral degree, starting from Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin in 1995 to 2006 and Universiti Sultan Zainal Abidin started year 2007 till present.

After completing his PhD in 2008 he was appointed as a dean in Faculty of Informatics & Computing. In 2010, he was trusted by the University Management to be appointed as a Director of the Information Technology Center. After his tenure as a dean and a director, in 2013 he was appointed as the Director of the Center for Research and Innovation Management for two years. In 2015, he was again appointed by the University Management to lead the Information Technology Center to ensure the realization in transforming UniSZA's digital application development especially in academic, research, financial and electronic administration. After successfully serving in the Information Technology Center for three years, in October 2018 he was appointed to the post of Director of Besut Campus. He was a member of the UniSZA Senate from 2008 until now. Meanwhile, as a member of the University Top Management Committee from January 2019 to present. To date, he has participated in more than 10 series Higher Education Strategic Leadership program organized by AKEPT.

Professor Nordin is very dynamic in research and innovation. He has successfully published 3 academic books and more than 100 manuscripts of journal articles, book chapters and international conference proceedings. He has secured more than RM1.2 million research grants, 8 innovation product copyrights and successfully supervised a total of 23 PhD and MSc students. He had internationally delivered several keynote speeches including in Japan and Malaysia on the transformation of ICT infrastructure in higher education institutions.


Currently, Professor Nordin sit on the UniSZA Publisher Board and holds editorial position in several national and international academic journals. He also serves as the panel on assessing the promotion of academic staff to the rank of Associate Professor and Full Professor for public and private universities in Malaysia. The involvement in more than 100 professional assessments/consultations including academic programs, postgraduate theses, research grants, books, journal articles and international conference proceedings has counted as part of his significant professional contributions.

Based on the merit of his contribution to academic, university and society, Dr. Nordin was promoted to Associate Professor in January 2010 and became Full Professor in November 2015. He has been awarded as **UniSZA TOKOH AKADEMIK 2021**, the most prestigious award for academicians in UniSZA.

BUKU AKADEMIK & KAJIAN



Meningkatkan Nilai Projek Ilmiah: Pengintegrasian dengan Kaedah Komputeran Lanjutan.



The Essence of Computational Biology




Rahsia Cemerlang Projek Ilmiah Tahun Akhir

Klik pada buku untuk info lanjut

PROGRAM *KICK-OFF* PENANAMAN 100 JUTA POKOK

Tarikh 28 - 30 Mac 2022 (Isnin, Selasa & Rabu)

Telah berlangsung Program Kick-Off Penanaman 100 juta pokok sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2022 peringkat Negeri Terengganu anjuran bersama Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu bertempat di Taman Rimba Ilmu Tanah BRIS (TRIBE) UniSZA Kampus Besut. Program ini telah berjaya menanam sejumlah 5050 anak pokok terdiri daripada pelbagai spesies seperti Merawan, Siput Jantan, Merawan Bunga, Baku Pasir, Gelam dan lain-lain.

KLIK UNTUK GAMBAR LAIN 



KEMPEN DERMA DARAH

Tarikh 14 Februari 2022 (Isnin)

Telah berlangsung kempen derma darah oleh Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di UniSZA Kampus Besut. Program ini telah bermula pada jam 10 pagi dan berakhir pada jam 3 petang bertempat di Kafeteria Kolej Kediaman Siswi. Pihak HSNZ merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan buat staf & pelajar yang telah menderma sebanyak 69 beg darah secara keseluruhan.



PEMBUKAAN KAUNTER BSN

Tarikh : 9 & 10 Februari 2022

(Rabu & Khamis)

Bank Simpanan Nasional (BSN) Kuala Terengganu telah memilih UniSZA Kampus Besut bagi mempromosikan produk dari BSN. Kaunter BSN telah dibuka selama dua hari bertempat di Foyer, Bangunan Akademik & Pentadbiran Kampus Besut. Antara produk-produk yang telah diperkenalkan oleh pihak BSN adalah termasuk pembiayaan peribadi, pembiayaan perumahan dan pembiayaan ASB. Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dalam kalangan staf.



PROGRAM EKSPEDISI PENYELIDIKAN TRIBE

Tarikh : 16 Mac & 17 Mac 2022 (Rabu & Khamis)

Pejabat Pengarah Kampus Besut (PPKB) telah menganjurkan Program Ekspedisi Penyelidikan Taman Rimba Ilmu Tanah BRIS (TRIBE) UniSZA Kampus Besut. Ekspedisi ini bertujuan untuk mengkaji beberapa komponen sekitaran yang utama di dalam TRIBE iaitu udara, tanah, air, botani dan serangga. Program ini disertai oleh 40 peserta yang terdiri daripada penyelidik (Geran Kecil Penyelidikan (GKP) TRIBE) dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur UniSZA (ESERI) dan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan UniSZA (FBIM), pensyarah Fakulti Farmasi, staf Pusat Pengurusan Makmal Berpusat UniSZA (CLMC) dan PPKB, pelajar FBIM serta AJK TRIBE. Ketua penyelidik komponen udara adalah Prof. Dr. Hafizan bin Juahir dari ESERI, komponen air pula diketuai oleh Ts. Dr. Nadzifah binti Yaakub dari FBIM manakala ketua penyelidik komponen



tanah adalah Dr. V. Jeyanny A/P Vijayanathan dari FRIM. Pakar botani (tumbuh-tumbuhan) pula diketuai oleh Dr. Shamsul bin Khamis dari UKM manakala pakar serangga diketuai oleh Dr. Norhayati binti Ngah dari FBIM. Program yang julung kali dianjurkan oleh PPKB ini telah berlangsung dengan jayanya selama dua hari berturut-turut. Semoga program seumpama ini dapat dilaksanakan lagi dengan skala dan penglibatan yang lebih besar pada masa akan datang serta memberi manfaat kepada UniSZA dan komuniti tentang kelestarian serta menjadi rujukan bagi hutan tanah BRIS di Malaysia.

[KLIK KE PORTAL TRIBE](#)




[KLIK UNTUK GAMBAR LAIN](#)

"DAYS OF EMBRACING SOULS 2.0"

Tarikh : 14 Mei 2022 (Sabtu)

Seramai 85 orang mahasiswa/i Fakulti Farmasi UniSZA telah menyertai program "Days of Embracing Souls 2.0" (DOES 2.0) yang berlangsung di Pantai Bukit Keluang, Besut, Terengganu. Program ini merupakan satu program yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti Farmasi (PHARMSA) dengan kerjasama Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniSZA. Antara objektif program adalah untuk menggalakkan mahasiswa melakukan aktiviti di luar bilik kuliah demi keseimbangan jasmani, emosi dan intelek. Selain itu, program ini juga mampu memupuk semangat kerjasama antara mahasiswa/i. Melalui program ini, tiga aktiviti utama telah dijalankan. Hampir kesemua peserta telah berjaya menamatkan pendakian yang mengambil masa kira-kira satu jam. Aktiviti kedua adalah aktiviti komuniti; membersihkan pantai. Dalam program ini, para peserta telah berjaya mengisi beberapa beg plastik dengan sampah yang ditemui sekitar Pantai Bukit Keluang. Segelintir orang awam turut mengambil bahagian secara spontan dalam aktiviti ini. Aktiviti terakhir adalah aktiviti *Pharmily Gathering*. Berikutan pandemik, ini adalah kali pertama kesemua mahasiswa/i fakulti farmasi berkumpul bersama, oleh itu, aktiviti ini dapat memberi peluang kepada peserta untuk saling berkenalan.




PROGRAM HERO KOMUNITI: CAKNA KESIHATAN BERSAMA MASYARAKAT DI BESUT, TERENGGANU

Tarikh : 16 Februari 2022 (Rabu)

Program Hero Komuniti: Cakna Kesihatan Bersama Masyarakat di Besut, Terengganu telah dianjurkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA (PTNC HEPA) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Hospital UniSZA (PPHU) telah dilaksanakan pada 16 Februari 2022 (Rabu) bertempat di PDK Orang Kurang Upaya (PDK OKU) & Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Kg.Raja, Besut, Terengganu. Program ini telah disertai oleh seramai 7 orang staf HEPA,

17 orang petugas kesihatan dan 12 orang pelajar.

Pelbagai aktiviti telah diadakan di PDK OKU antaranya adalah program saringan kesihatan & saringan penglihatan, Game Throwing Bean Bag & Ball Shooting dan Music & Movement. Manakala di PAWE aktiviti dilaksanakan adalah saringan kesihatan di Klinik Bergerak UniSZA, konsultasi kesihatan oleh petugas kesihatan PPHU, konsultasi dan demonstrasi oleh pasukan pemulihan PPHU dan sesi perkongsian bersama warga PAWE.



UniSZA OLYMPIAD

ANJARAN PERSATUAN MAHASISWA FAKULTI INFORMATIK & KOMPUTERAN DENGAN KERJASAMA PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HEPA):

UniSZA OLYMPIAD QUIZ!

TOPICS:
IGKO, IEO, NSO, NCO, IMO

DATE: 23 APRIL 2022
VENUE: ONLINE (QUIZZZ)

1st Prize : RM 50
2nd Prize : RM 40
3rd Prize : RM 30
Consolation Prize : Total RM 90 (5 PEOPLE)

REGISTER AT:

QUIZ WILL BE HELD ON: QUIZZZ
&
LIVE ON: webex

Tarikh : 23 April 2022 (Sabtu)

Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik & Komputeran (PMFIK) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) telah menganjurkan Program UniSZA Olympiad yang merupakan satu pertandingan kuiz di mana soalan-soalan daripada Olympiad sebenar digabungkan dalam bentuk Quizizz.

Program UniSZA Olympiad telah berlangsung melalui dua slot iaitu pada sebelah pagi dan petang. Program ini merupakan versi pertama untuk semester II sesi 21/22. Antara objektif utama program ialah memupuk penaakulan saintifik dan keupayaan logik dalam kalangan mahasiswa/i Universiti Sultan Zainal Abidin secara permisif. Selain itu, program ini membantu mahasiswa/i untuk menilai pengetahuan mengenai konsep siber, bahasa Inggeris dan penggunaan bahasa Inggeris serta memupuk minat dalam Pengetahuan Am dan hal ehwal semasa.

Program pada sebelah pagi dimulakan dengan hebahan kod permainan Quizizz kepada para peserta melalui WhatsApp pada jam 8:45 pagi. Pertandingan kuiz yang bermula dari jam 9:00 pagi dan berakhir jam 10:00 pagi itu telah dihadiri kira-kira 37 orang pelajar. Program diteruskan lagi dengan majlis penutupan UniSZA Olympiad pada sebelah petang. Majlis ini disertai oleh dua tetamu jemputan - wakil dekan Fakulti Informatik & Komputeran, Prof. Madya Dr. Zahrahtul Amani binti Zakaria dan Dr. Hasni binti Hassan. Ucapan penutupan Program UniSZA Olympiad telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Zahrahtul Amani binti Zakaria dan disertai dengan perkongsian mengenai pengalaman beliau sepanjang bergelar pelajar.

SURVIVAL CAMP

Persatuan Mahasiswa Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (PMFBIM) dengan kerjasama daripada persatuan Aquatic Life & Animal Livestock Production and Health Association (ALPHA), Food Science Student Association (FOSSAC), Malaysia Agroentrepreneurial Club for University Student (MYAGROSIS), dan Agriculture Biotechnology Student Integrated Society (AGRIBIOSIS) telah mengadakan sebuah program yang berbentuk perkhemahan "Survival Camp". Program ini telah dijalankan seminggu selepas selesainya program PMFBIM yang pertama iaitu pada 31 Mac 2022 hingga 2 April 2022 di Ladang UniSZA Pasir Akar. Seramai 87 orang peserta dari pelbagai latar belakang telah mengambil bahagian dalam program tersebut.

Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan jati diri para pelajar dalam menguruskan sesebuah persatuan



serta meningkatkan ilmu pengetahuan tentang tatacara pengurusan sesebuah organisasi. Selain itu, program ini juga diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar dari pelbagai persatuan. Program ini telah dirasmikan oleh Dekan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan, YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Khamsah Suryati Binti Mohd dan dihadiri oleh Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) merangkap Penasihat PMFBIM, YBrs. Dr. Saiful Iskandar Bin Khalit serta Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Madya Dr. Connie Fay Komilus.



PROGRAM CAHAYA RAMADAN BERSAMA FIK 2022



Tarikh : 3 April 2022 (Ahad)

Program Cahaya Ramadan bersama FIK 2022 telah dilancarkan oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik & Komputeran (PMFIK) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Program ini berlangsung selama hampir sebulan dari tanggal 3 hingga 20 April 2022.

Sub program pertama yang dijalankan adalah Tadarus Al-Quran FIK pada 2 April hingga 19 April 2022 dimana setiap pelajar dari Fakulti

Informatik dan Komputeran (FIK) yang beragama Islam dibahagikan sebanyak satu juzuk seorang untuk bertadarus bersama-sama dengan pelajar lain. Tambahan pula Program 1 Day 1 Tazkirah Ramadan

juga diadakan pada hari yang sama dimana PMFIK membuka ruang kepada semua pelajar untuk memberikan satu tazkirah ringkas dalam bentuk ayat atau poster dan akan dimuat naik ke dalam laman media sosial Instagram rasmi PMFIK. Selain itu, Program Infaq Cahaya Ramadan juga dijalankan program mengumpul sumbangan ikhlas infaq yang akan digunakan bagi menyediakan juadah Iftar sempena Program Iftar Jamaie kepada pelajar .

Program Cahaya Ramadan ini dimeriahkan lagi dengan pertandingan

Melukis Poster Digital yang berlangsung pada 9 April dan berakhir pada 18 April. Objektif pertandingan ini adalah untuk menyerlahkan lagi bakat para pelajar yang mempunyai kemahiran dalam menggunakan medium digital. Seramai 3 orang pemenang yang terpilih berjaya memenangi hadiah berupa wang tunai.

Pada tanggal 20 April 2022, telah berlangsungnya sub program yang terakhir iaitu Majlis Khatam Al-Quran bagi juzuk 30 oleh para Mahasiswa FIK yang bertempat di Auditorium UniSZA Kampus Besut yang dihadiri seramai 112 orang. Pada masa yang sama, turut berlangsungnya Majlis Penutup Program Cahaya Ramadan Bersama FIK 2022 yang dirasmikan oleh Timbalan Dekan (HEPA) FIK, UniSZA Kampus Besut, Dr Wan Mohd Rizhan bin Wan Idris.



CLMC KOMITED PROSES AIR MINUMAN REVERSE OSMOSIS (RO)

Staf CLMC sentiasa komited dalam menjalankan setiap amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Pemprosesan Air Minuman RO kali ini adalah bertujuan untuk Majlis Idul Ilmi Konvokesyen UniSZA ke-12. Sebanyak 14,400 botol air minuman diperlukan untuk Majlis Konvokesyen dan selebihnya untuk kegunaan lain. Penghasilan Air Minuman RO ini sentiasa berterusan berikutan permintaan yang tinggi serta sebagai persiapan jika berlakunya bencana banjir. CLMC turut terkesan serta cakna dengan apa yang berlaku di negeri Selangor tempoh hari dan telah bertungkus lumus menyiapkan Air Minuman RO untuk "Misi

Bantuan kepada Mangsa Banjir" melalui Program Hero Komuniti: Misi Bantuan Pasca Banjir (UniSZA Care) yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniSZA. Kami di CLMC tidak dapat membantu di tempat bencana tetapi dengan sedikit sumbangan ini diharap dapat meringankan beban mereka.



CLMC Terima kunjungan dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Tarikh : 12 Januari 2022 (Rabu)

Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC), UniSZA telah menerima kunjungan dari delegasi Bahagian Pengurusan Makmal, Pusat Perkhidmatan Penyelidikan & Lapangan (PPPL), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) seramai 9 orang pada 12 Januari 2022 bagi tujuan membincangkan dan berkongsi pandangan mengenai sistem pengurusan makmal, pengurusan instrumentasi dan perkhidmatan, pelupusan sisa berjadual dan sistem kualiti makmal antara UMT & UniSZA. Pihak CLMC berharap agar kunjungan ini akan memberi manfaat kepada delegasi UMT dan seterusnya dapat mengeratkan jalinan kerjasama antara UniSZA dan UMT.



CLMC TERIMA KUNJUNGAN DARI UNIVERSITY COLLEGE BESTARI (UCB)

Tarikh : 20 Januari 2022 (Ahad)

Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC), UniSZA menerima kunjungan dari delegasi University College Bestari (UCB) pada 20 Januari 2022 bagi tujuan membincangkan penggunaan makmal UniSZA Kampus Besut kepada pelajar UCB. Pengarah CLMC, Ts. Dr. Zarizal Suhaili menyambut kehadiran delegasi UCB yang diketuai oleh Prof. Madya Irwan Yusof. Sesi perbincangan ini juga

turut dihadiri Prof. Madya Ts. Dr. Khamsah Suryati Mohd, Dekan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM), UniSZA.

Pihak CLMC berharap agar kunjungan ini akan memberi manfaat kepada delegasi UCB dan seterusnya dapat mengeratkan jalinan kerjasama antara UniSZA dan UCB.



HAND SANITIZER UNTUK PELAJAR UniSZA

Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC) sentiasa komited dalam sebarang permintaan oleh pihak UniSZA terutama dalam menyediakan produk "HAND SANITIZER" bagi keperluan para pelajar. Sebanyak 200 botol 'hand sanitizer' dengan kualiti yang telah ditambah baik telah diserahkan ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UniSZA. Pihak CLMC berharap ianya dapat memberi manfaat kepada pelajar dan warga UniSZA. Terdahulu, pihak CLMC dengan kerjasama Fakulti Farmasi telah berjaya menghasilkan hand sanitizer untuk kegunaan dalaman UniSZA ketika Covid-19 melanda bumi Malaysia. Hal ini sekaligus dapat membuktikan kesinambungan perkhidmatan dan kesediaan pihak CLMC sebagai sebahagian tulang belakang universiti dalam mengawal penularan wabak sepanjang Pandemik Covid-19 serta keutamaan dalam menjaga keselamatan para mahasiswa dan mahasiswi UniSZA.





PROGRAM KAYUHAN BERBASIKAL KE HUTAN LIPUR LATA BELATAN 2022



Tarikh : 19 Mei 2022 (Khamis)


[KLIK UNTUK GAMBAR LAIN](#)

Program Kayuhan Berbasikal ke Hutan Lipur Lata Belatan adalah anjuran Unit Sukan dan Rekreasi dengan kerjasama Pejabat Pengarah Kampus Besut yang telah berlangsung pada 19 Mei 2022 bertempat di Hutan Lipur Lata Belatan Besut, Terengganu. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mewujudkan persaingan yang sihat dan secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan silaturrahim

dikalangan warga UniSZA di samping bagi memupuk semangat kesukanan serta pendedahan dalam aktiviti rekreasi. Penganjuran aktiviti berbasikal pada kali ini melibatkan 40 orang peserta dari Kampus Besut yang terdiri dari staf dan pelajar. Penyertaan yang amat menggalakkan dari kalangan staf dan pelajar memberi impak positif terhadap kesedaran pentingnya beraktiviti terutamanya dalam aktiviti

sukan dan rekreasi. Disamping itu juga, melalui penganjuran program ini ia dapat melahirkan pelajar IPT yang sihat dan cergas dalam menjadikan sukan sebagai budaya selaras dengan Dasar Pembangunan Sukan IPT (DSIPT).Harapan juga program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang serta melibatkan penganjuran yang lebih ramai dari semua pihak

KEJOHANAN BOLA JARING MALAYSIA SPORTS LEAGUE PERINGKAT DAERAH BESUT 2022



PROGRAM HIKING BUKIT BUBUS SIRI 1/2022 BERSAMA AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN DAERAH BESUT (AADK)

Tarikh : 20 Mei 2022 (Jumaat)

Program Hiking Bukit Bubus Siri 1/2022 adalah anjuran Unit Sukan dan Rekreasi Pejabat Pengarah Kampus Besut dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Besut (AADK) yang telah berlangsung pada 20 Mei 2022 (Jumaat) bertempat di Paragliding Park Bukit Bubus Besut, Terengganu. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mewujudkan persaingan yang sihat dan secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dikalangan warga UniSA dan agensi luar di samping memupuk semangat kesukanan serta pendedahan dalam aktiviti rekreasi.



Penganjuran aktiviti mendaki pada kali ini melibatkan 45 orang pelajar dari Kampus Besut serta anggota AADK yang turut sama dalam mempromosikan program Penggerak Pencegahan Berisiko Tinggi Dadah di sekitar daerah ini. Penyertaan yang amat menggalakkan dalam kalangan staf dan pelajar telah memberi impak yang tinggi terhadap kesedaran pentingnya beraktiviti terutamanya dalam aktiviti sukan dan rekreasi. Diharap program seperti ini dapat diteruskan dan mendapat penyertaan yang lebih ramai.

Tarikh : 21 Mei 2022 (Sabtu)

Unit Sukan dan Rekreasi Kampus Besut telah menghantar penyertaan Pasukan Bola Jaring ke Kejohanan Bola Jaring *Malaysia Sports League* Peringkat Daerah Besut pada 21 Mei 2022 di Kompleks Sukan Komuniti Jerteh, Terengganu. Sebanyak 16 pasukan yang terdiri daripada sekolah, kelab dan organisasi dari seluruh Daerah Besut. Kejohanan ini telah menarik minat ramai khususnya pemain bola jaring dari seluruh kawasan Daerah besut. Pertandingan ini dianjurkan bertujuan untuk memperkasakan penglibatan golongan belia dalam usaha mencungkil bakat-bakat baru khususnya dalam sukan bola jaring. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pegawai Belia dan Sukan Daerah Besut dengan dihadiri oleh kontingen yang bersama-sama dalam kejohanan ini. Kejohanan ini dapat menjadi satu platform untuk menarik lebih ramai pemain muda dan dapat mencungkil bakat baru yang mampu bersaing di peringkat negeri mahupun kebangsaan.



**FBIM ONLINE
GLOBAL CLASSROOM**

SOCIALLY DISTANCE BUT BUILDING COMMUNITY

**NATURAL HISTORY
IN THE DIGITAL ERA**

GLOBAL CLASSROOM:
AQUATIC ENTOMOLOGY
ASQ 45902

Scan me

Host
Dr. Nur Athiqah Md Yusof
Lecturer of UniSZA

TIME | 9 AM - 11 AM
DAY/DATE | THURSDAY/20.1.22
PLATFORM | GOOGLE MEET

Speaker
Morgan Jackson
Postdoctoral Researcher,
McGill University

ALPHA UniSZA



**FAKULTI BIOSUMBER DAN INDUSTRI MAKANAN
SERTA PAMERAN SEMPENA HARI HUTAN
ANTARABANGSA TAHUN 2022**

Tarikh : 31 Mac 2022 (Khamis)

Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah menyertai pameran sempena Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2022 Peringkat Negeri Terengganu anjuran bersama antara Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) dan UniSZA yang diadakan pada 31 Mac 2022. Pameran kali ini telah diadakan di Perpustakaan Al-Wathiqu Billah, Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Besut dan dirasmikan oleh Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar. Tema sambutan kali ini adalah "Hutan Untuk Kesejahteraan

Masyarakat". Informasi berkenaan fakulti dan program yang ditawarkan adalah antara produk yang dipamerkan sepanjang berlangsungnya pameran tersebut. Selain itu, produk hasil penyelidikan seperti baja *superb agromedia*, sabun susu kambing, kordial rosol dan pelbagai lagi turut dipamerkan. Produk-produk ini telah menarik YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri untuk melawat gerai pameran fakulti. Turut sama ialah Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu, Naib Canselor UniSZA dan ahli pengurusan UniSZA.

**HAPPY HOUR: PENGHARGAAN
KEPADA PELANGGAN
KIOSK FBIM**

Kejayaan sesebuah perniagaan berkait rapat dengan sokongan daripada para pelanggan. Berdasarkan pegangan tersebut, Kiosk FBIM buat pertama kalinya telah mengadakan promosi Happy Hour pada 13 Januari 2022 untuk memberi penghargaan kepada pelanggan kiosk yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar UniSZA Kampus Besut. Sesi jualan *Happy Hour* yang diadakan dalam tempoh sejam iaitu pada jam 12.00 tengahari hingga 1.00 petang telah berjaya menarik minat warga UniSZA

Kampus Besut. Pelbagai produk ditawarkan dengan harga promosi. Antaranya adalah sabun susu kambing, Propoplus Cosmetics 3 in 1, baja AB dan Superb Agrofertilizer yang merupakan hasil penyelidikan pensyarah FBIM. Susulan sambutan yang menggalakkan tersebut, promosi *Happy Hour* diadakan sekali lagi pada 12 April 2022. Pelbagai produk hasil penyelidikan pensyarah yang berasaskan propoplus dan roselle ditawarkan dengan potongan harga sehingga 50%. Aneka produk bakeri juga dijual dan mendapat permintaan paling tinggi. Berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada pelajar dan staf fakulti, promosi sebegini ini dijangka akan diadakan dari masa ke semasa. Semoga kiosk FBIM dapat memberi manfaat kepada semua warga UniSZA.

PROJEK CINTA RAMADAN: PROGRAM AMAL TAHUNAN FBIM SEMPENA RAMADAN

TEMU BUAL KAPRIMA SDN. BHD. BERSAMA PAKAR PENGHASILAN TENUSU



Tarikh : 14 Febuari 2022 (Isnin)

Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah menerima kunjungan daripada syarikat industri tenusu tempatan iaitu KAPRIMA Sdn. Bhd. untuk menemubual pensyarah FBIM yang merupakan pakar penghasilan tenusu iaitu Dr. Noor Syaheera binti Ibrahim.

Rakaman temubual telah diadakan di Bilik Mesyuarat FBIM, Kampus Besut, UniSZA. Antara pengisian yang disampaikan oleh Dr. Noor Syaheera ialah mengenai khasiat dan kebaikan susu kambing dan susu lembu serta kelebihan susu segar dan susu UHT (Ultra High Temperature).

Di samping itu, Dr. Noor Syaheera juga mengupas berkenaan manfaat susu dalam penghasilan produk-produk kecantikan dan kesihatan. Secara keseluruhannya, pihak KAPRIMA Sdn. Bhd. berpuas hati dengan kunjungan dan perkongsian ilmu yang telah disampaikan.

Ramadan merupakan bulan mulia dalam kalender Islam di mana selain dituntut melaksanakan ibadah puasa, umat Islam juga diseru untuk memperbanyakkan amal kebajikan seperti bersedekah. Selaras dengan itu, setiap tahun JK HEPA Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) akan menganjurkan pelbagai program yang menjadi platform kepada warga FBIM untuk membuat amal. Projek Cinta Ramadan merupakan program dimana pihak FBIM telah mengumpulkan sumbangan berbentuk wang ringgit daripada warga FBIM (staf, pelajar Dan alumni) bagi menaja pek berbuka puasa kepada pelajar asnaf FBIM. Pada tahun ini, FBIM telah berjaya mengumpul sebanyak RM1900 sepanjang kutipan. Manakala aktiviti penyerahan pek berbuka puasa berupa nasi ayam, kuih muih dan air minuman kepada 190 orang pelajar asnaf telah dibuat pada 20 April 2022.



LAWATAN PELAJAR SARJANA MUDA PEMBANGUNAN MAKANAN HALAL KE TEAM KITCHEN SDN. BHD DAN AMIR VISION SDN. BHD.

Tarikh : 20 April 2022 (Rabu)

Seramai 19 orang pelajar semester dua program Sarjana Muda Pembangunan Makanan Halal (SMPMH), Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah mengadakan lawatan ke Team Kitchen Sdn. Bhd. dan Amir Vision Sdn. Bhd pada 20 April 2022. Lawatan tersebut diiringi oleh seorang pensyarah, Dr. Asmaliza Abd Ghani@Yaacob yang juga merupakan penyelaras bagi kursus Pengenalan kepada Industri Makanan Halal.

Lawatan ini merupakan salah satu inisiatif untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar tentang kepentingan halal dalam industri makanan. Selain itu lawatan ini membolehkan pelajar mengaitkan teori yang dipelajari di dalam kelas dengan senario sebenar dalam industri makanan yang telah pun mendapat pengiktirafan sijil halal oleh Jabatan

Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Semasa lawatan tersebut, pelajar telah berpeluang untuk melihat pemprosesan makanan sejuk beku seperti nasi dagang, nasi minyak, nasi lemak dan keropok lekor yang dijalankan di Team Kitchen Sdn. Bhd. serta penghasilan isi ikan dan makanan laut yang disejuk beku di Amir Vision Sdn. Bhd. Selain itu, penerangan terperinci tentang keperluan untuk mendapatkan pensijilan halal turut diberikan kepada pelajar oleh wakil dari kedua-dua industri.



LAWATAN PENANDA ARAS *VIRTUAL* DESKTOP INFRASTRUCTURE



Tarikh : 8 Februari 2022 (Selasa)

Lawatan Penanda Aras *Virtual Desktop Infrastructure* Ke Fakulti Informatik dan Komputeran oleh Delegasi Universiti Malaysia Pahang yang diketuai oleh Dekan Kanan Kolej Komputer Dan Sains Gunaan, Prof. Ts. Dr. Ruzaini bin Abdullah Arshah

Tarikh : 24 - 26 Mac 2022 (Khamis- Sabtu)

Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PAKAT) telah mengadakan *Digital Leadership Programme @ UniSZA* bertempat di Peladang Resort Setiu. Program ini disertai oleh pemimpin-pemimpin pelajar Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan juga persatuan-persatuan beruniform di dalam UniSZA, peserta yang terlibat adalah seramai 43 orang. Program ini menekankan bagaimana menjadi seorang pemimpin yang berkaliber dan juga mempunyai ciri-ciri pemimpin digital yang mana setiap sesi peserta harus lulus untuk kursus tersebut. Fasilitator terlibat adalah sebahagian pensyarah FIK dibantu oleh pegawai FIK dan juga HEPA UniSZA Gong Badak.

DIGITAL LEADERSHIP PROGRAMME @ UniSZA



FIT FAKULTI INFORMATIK DAN KOMPUTERAN



Program FIT@FIK yang diadakan pada setiap pagi Rabu bertujuan mengumpulkan warga FIK untuk beriadah dan bersenam demi menjaga kesihatan.



BENGGEL PENERBITAN BERIMPAK TINGGI FAKULTI INFORMATIK DAN KOMPUTERAN (FIK)

Tarikh : 17 MAC 2022 (Khamis)

Fakulti Informatik dan Komputeran telah mengadakan Bengkel Penerbitan Berimpak Tinggi yang melibatkan staf akademik FIK. Aktiviti ini adalah merupakan antara aktiviti utama bagi pensyarah yang berada di Jaluran Kerjaya Penyelidikan. Program ini bagi memberi pendedahan kepada pensyarah untuk menghasilkan artikel dalam jurnal berimpak tinggi yang merupakan satu indikator penting bagi mencapai KPI apabila berada di Jaluran Kerjaya.



PROGRAM INFAQ AIDILFITRI BERSAMA STAF PEMBERSIHAN BLOK D FAKULTI INFORMATIK DAN KOMPUTERAN

Tarikh : 25 April 2022 (Isnin)

Fakulti Informatik dan Komputeran telah mengadakan Program Infaq Aidilfitri bersama staf pembersihan yang telah menyumbang bakti demi memastikan Bangunan FIK sentiasa berada dalam keadaan kemas dan bersih demi keselesaan staf dan pelajar. Selain sumbangan wang tunai, fakulti turut menyerahkan kuih raya bagi meringankan beban setiap dari mereka bagi menyambut Aidilfitri yang bakal tiba. Selain memberi sumbangan, objektif lain program adalah bagi merapatkan hubungan silaturahim antara staf FIK dan staf pekerja pembersihan dan tukang kebun yang berada di

sekitar Bangunan FIK. Majlis penyampaian Infaq Aidilfitri telah disempurnakan oleh Dekan Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK), YBhg Prof. Madya Dr. Ahmad Nazari Mohd Rose. Turut hadir menyerikan majlis ialah Timbalan Dekan (Akademik & Siswazah), Dr. Wan Suryani Wan Awang, dan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Dr. Wan Mohd Rizhan Wan Idris. Turut hadir Bersama penyarah dan juga kakitangan pentadbiran dan pengurusan FIK



ALSYIFAA HOLDING SDN. BHD. MENAJA PROJEK PENYELIDIKAN PERINGKAT SARJANA DI FAKULTI FARMASI UNISZA BERBENTUK GERAN INDUSTRI SEBANYAK RM 25000.00



Prof. Dr. Fadzli Adam dalam ucapan beliau mengharapkan semoga program kolaborasi ini dapat diteruskan dan diperluaskan kepada PTj lain di UniSZA. AISyifaa Holding Sdn Bhd merupakan salah satu rakan strategik UniSZA yang boleh dikembangkan melalui projek-projek yang disasarkan pada masa akan datang, sekaligus dapat memberikan manfaat kepada komuniti dengan hasil penyelidikan yang bakal dilaksanakan.

Adalah diharapkan kolaborasi ini akan memperkukuhkan lagi kerjasama dengan adanya lantikan Industrial Co- Supervisor dalam penyeliaan pelajar siswazah di samping

memantapkan jaringan kolaborasi strategik sepertimana amanat Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi 2022 (Strategi Sejahtera IPT yang Ke-4), seterusnya memacu kajian di bidang industri farmasi komuniti.

Tarikh : 6 Mac 2022 (Ahad)

Berlangsungnya Majlis Penyerahan Replika Cek Geran Industri AISyifaa Holding Sdn Bhd kepada Farmasi UniSZA dalam satu majlis ringkas .

Bermula dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UniSZA dengan AISyifaa Holding Sdn. Bhd. pada Disember 2021 dan disusuli dengan pelawaan pihak Fakulti Farmasi untuk mengadakan kolaborasi dan penajaan projek penyelidikan peringkat Sarjana di UniSZA.

Hasrat murni itu mendapat sokongan dan sambutan baik daripada pihak AISyifaa di mana mereka berbesar hati menaja projek penyelidikan peringkat Sarjana di UniSZA berbentuk Geran Industri sebanyak RM 25,000.00 dengan cadangan tajuk penyelidikan "Professional Ethics Versus Business Demands Within the Community Pharmacy Sector in Malaysia".

Majlis penyerahan replika cek yang disempurnakan oleh Naib Canselor UniSZA, YBhg. Prof. Dr. Fadzli bin Adam ini turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, YBhg. Prof. Madya Dato' Ts. Dr. Mohd Hafiz bin Yusof@Che Abdullah, Delegasi AISyifaa Holding Sdn. Bhd. yang diketuai oleh Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat AISyifaa Farmasi, Encik Abd Aziz Jamaludin, Pengarah Kampus Besut, Prof. Dr. Mohd Nordin bin Abdul Rahman, Pengarah Pusat Pengurusan

Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan, Prof. Madya Dr. Zarina bt Mohamad, Pengarah Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan, En. Muzafar bin Md Din dan pihak Fakulti Farmasi yang diketuai oleh Dekan, Prof. Dr. Lua Pei Lin.





Tarikh : 6 JANUARI 2022 (Khamis)

Fakulti Farmasi (FF) UniSZA telah menganjurkan Seminar Pharmacy Entrepreneurship dengan tema "Something New, Something for You". Seminar ini merupakan projek untuk pelajar Tahun 3 Sarjana Muda Farmasi, FF bagi memenuhi keperluan penilaian berterusan kursus PHM30602 (Pharmacy Entrepreneurship). Objektif aktiviti adalah untuk menimbulkan minat pelajar terhadap keusahawanan. Aktiviti ini juga dapat memberikan pendedahan kepada pelajar tentang ciri-ciri seorang usahawan/entrepreneur di mana seorang entrepreneur perlu kreatif dan berinovasi. Tugas yang diberikan adalah pelajar harus menghasilkan satu produk atau prototaip yang kreatif serta mempunyai ciri-ciri inovasi. Pelajar dibahagikan kepada 9 kumpulan dan setiap kumpulan perlu menghasilkan 9 produk yang berbeza. 4 orang juri dipilih dalam kalangan para pensyarah fakulti yang berpengalaman dan pernah bekerja di industri luar sebelum menceburkan diri dalam bidang akademik. Pemenang dinilai berdasarkan *creativity, innovative and entrepreneurship mind*. 3 kumpulan terbaik yang dipilih adalah:

Pemenang 1 : Heartbeat Industri Produk: E-Walking Stick (Tongkat berserta alat untuk mengesan jatuh, objek asing, bacaan heartbeat, voice recognition serta mempunyai alarm)

Ahli Kumpulan : Salihah Binti Azmi, Pavitra A/P Manimaran & Yaalini A/P Adaikalasamy

Pemenang 2 : Tescare Health Technology Produk: TESCHAIR (Electronic Automated Patient Lifter and Transporter)

Ahli kumpulan : Brandon Xavier, Muhammad Amiruddin bin Fauizan & Muhammad Aizat Iqmal bin Ramli

Pemenang 3 : Creative Innovation Sdn.Bhd Produk: KIREI (The Smart Dustbin) - automatic opening lid

Ahli kumpulan : Shazwini binti Sharrifol Bokhary, Nur Aqila Izzati Rosman & Nurul Ezzah Binti Azlan

Produk yang berjaya akan diketengahkan untuk pertandingan di peringkat yang lebih tinggi.




KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT: BENKEL PENYELIDIKAN (MENDELEY DAN ZERO DRAFT OF THESIS)

KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT BENKEL PENYELIDIKAN MENDELEY & ZERO DRAFT


Sarjana Muda Perniagaantani
Tarikh : 4 April 2022 | Isnin
Masa : 12.00 Tghari - 2.00 Ptg

Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian
Tarikh : 13 April 2022 | Rabu
Masa : 2.30 Ptg - 4.30 Ptg

Tempat : Makmal Komputer
Perpustakaan Al-Wathiqu Billah Kampus Besut



Tarikh: 4,10 & 13 April (Isnin, Selasa & Rabu)
Pihak PWB Kampus Besut terus komited dalam perkongsian ilmu kepada semua pelajar terutama berkenaan Kemahiran Maklumat Bantuan Penyelidikan. Sepanjang Januari hingga April 2022, PWB Kampus Besut telah berjaya menjalankan 4 Kelas Bantuan Penyelidikan bagi ketiga-tiga fakulti iaitu Fakulti Informatik dan Komputeran, Fakulti Biosumber & Industri Makanan, dan Fakulti Farmasi. Kelas ini dapat memberikan kemahiran kepada pelajar berkenaan bagaimana mencari maklumat, menggunakan perisian Mendeley serta membuat penulisan tesis menggunakan Microsoft Word. Fokus utama kelas ini adalah kepada pelajar semester akhir dan ia mendapat sambutan yang sangat baik.



PWB ANJUR BENKEL APLIKASI CANVA KEPADA STAF

Tarikh: 10 Februari 2022

Tempat: Makmal Komputer PWB Kampus Besut.

Pihak Perpustakaan Al-Wathiqu Billah telah mengadakan Sesi 1 Bengkel Latihan Penggunaan Aplikasi Canva pada 10 Februari 2022 bertujuan untuk memberi pendedahan dengan lebih mendalam terhadap bidang multimedia kepada semua staf Kampus Besut. Canva adalah sebuah aplikasi untuk reka grafik menggunakan komputer dan ianya adalah percuma. Berbanding dengan aplikasi reka grafik konvensional seperti illustrator dan Photoshop, Canva lebih mudah untuk dipelajari dan kerja-kerja reka grafik dapat dilakukan dengan lebih cepat dan mudah. Bengkel ini telah disertai oleh 20 orang staf yang mana rata-rata memberikan maklum balas positif dan berharap ia dapat diteruskan lagi di masa akan datang.



TAHNIH!!

CABUTAN BERTUAH JADI TARIKAN

Bagi memperkenalkan perkhidmatan perpustakaan dan menarik minat pelajar untuk mengunjungi perpustakaan. PWB Kampus Besut telah mengadakan cabutan bertuah selama 12 bulan yang mana berakhir pada Mac 2022. Cabutan bertuah ini telah berjaya mencapai matlamatnya dengan kenaikan statistik kunjungan ke perpustakaan. Pihak PWB Kampus Besut berharap pelajar dapat memanfaatkan kemudahan yang ada di perpustakaan sepanjang pengajian di Kampus Besut.

QURAN HOUR @PWB BESUT

Tarikh: 18 April 2022 Masa: 12tghari - 1.00 petang

"Bacalah Al-Quran, kerana Al-Quran kelak akan datang pada hari kiamat sebagai pemberi syafaat (pertolongan) kepada orang yang membacanya." (HR Muslim). Menyedari hakikat pentingnya membudayakan membaca Al-Quran, PWB Kampus Besut telah menganjurkan Program Quran Hour yang mana ia telah dijalankan selama 2 tahun. Seramai 30 orang pelajar telah menyertai program ini yang mana mengambil masa satu jam. Program ini diharap dapat mendekatkan pelajar dan Al-Quran dan menjadikan ia pedoman dalam menjalani kehidupan sebagai muslim. Berjaya dunia dan akhirat.

Dunia Berbudai & Penyayang
#QuranHour ...satu permulaan

UNISZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

QURAN HOUR 2022
@UniSZA Kampus Besut

Tarikh | Hari : 18 April 2022 | Isnin
Masa : 12.00 Tgh hari – 1.00 Ptg
Tempat : PWB Kampus Besut

Satu jam bersama alQuran
...365 hari

IKUTI KAMI DI: [f](#) PERPUSTAKAAN AL-WATHIQU BILLAH KAMPUS BESUT

KLIK UNTUK GAMBAR LAIN



CONTENG-CONTENG @ PWB KAMPUS BESUT



Tarikh: 12 April 2022 (Selasa)

Buat pertama kalinya PWB Kampus Besut menganjurkan program bertemakan lukisan santai yang mana ia mendapat sambutan yang sangat baik dalam kalangan pelajar. Tujuan program ini dijalankan adalah bagi memberi ruang kepada pelajar untuk menunjukkan bakat dalam bidang seni di samping meredakan sedikit tekanan dalam menjalani kehidupan sebagai pelajar. Program santai ini juga dapat mendekatkan pelajar dengan perpustakaan yang mana menyediakan pelbagai kemudahan pembelajaran kepada mereka. Lukisan yang terpilih telah digunakan sebagai pameran sepanjang Program Quran Hour pada 18 April 2022.

PROGRAM JOM BACA 10 MINIT



Tarikh: 21 April 2022 (Khamis)

Program Jom Baca 10 minit merupakan acara tahunan yang dijalankan di PWB Kampus Besut. Program ini adalah salah satu Program Galakan Membaca peringkat kebangsaan bagi tujuan melahirkan masyarakat Malaysia berbudaya membaca dan berilmu pengetahuan. Ia telah disertai oleh lebih daripada 60 orang pelajar dan ia dibuat secara santai. Semoga program sebegini dapat memupuk minat membaca di kalangan warga UniSZA. "Barang siapa menginginkan soal-soal yang berhubungan dengan dunia, wajiblah ia memiliki ilmunya; dan barang siapa yang ingin (selamat dan bahagia) di akhirat, wajiblah ia mengetahui ilmunya pula; dan barangsiapa yang menginginkan keduanya, wajiblah ia memiliki ilmu kedua-duanya pula." (H.R. Bukhari dan Muslim)

Tiga fakulti di UniSZA Kampus Besut

